

Headline UM, USM calon pilihan jadi Universiti Apex
Date 29. Aug 2008
Media Title Berita Harian
Section Pendidikan
Circulation 217920
Readership 2083000
Language MALAY
Page No 19
Article Size 416 cm2
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue 7367.93



UM, USM calon pilihan jadi Universiti Apex?

RESPONS ISU

Oleh Zainor Said
zaino@bharian.com.my

SAMBIL mengharapkan kerajaan akan terus memberi peruntukan terbesar untuk pembangunan bidang pendidikan dan latihan dalam Bajet 2009 yang akan dibentangkan petang ini, rakyat khususnya warga pendidik di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) turut menantikan dengan penuh minat pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, universiti yang bakal diangkat ke taraf Universiti Apex pertama negara.

Dalam kalangan 20 IPTA, empat universiti penyelidikan telah disenarai pendek untuk menduduki senarai terakhir pemilihan Universiti Apex iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Empat universiti pilihan itu mempunyai kekuatan tersendiri terutama dalam bidang penyelidikan sehingga memenangi pelbagai anugerah, bukan saja di peringkat kebangsaan malahan antarabangsa. Enrolmen pelajar juga menggambarkan komposisi masyarakat berbilang kaum di Malaysia dan masing-masing mempunyai kuota penuntut antarabangsa yang mencukupi.

Bagaimanapun, seperti yang dimaklumkan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, buat permulaan hanya satu IPT dipilih untuk dinaikkan taraf sebagai Universiti Apex, seperti yang termaktub dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Ini bermakna empat universiti itu harus bersaing dan menonjolkan kelebihan masing-masing kerana mereka dinilai dari segenap sudut dalam usaha mengenal pasti IPT paling layak untuk mendapatkan pengiktirafan berkenaan.

Kini sudah kedengaran pelbagai pihak membuat spekulasi dan mereka meramal 'top two' universiti yang dianggap 'favourite' iaitu UM dan USM. Namun kita tidak boleh memandang rendah kelebihan serta potensi dua lagi universiti yang turut tersenarai iaitu UPM dan UKM. Apapun kita jangka keputusannya sudah pun berada di tangan Perdana Menteri.

Antara kelebihan apabila diangkat ke taraf Universiti Apex ialah mereka diberi kuasa autonomi dari segi kewangan, skim perkhidmatan, pengurusan, pengambilan pelajar, pelantikan kakitangan, pensyarah dan kepemimpinan tertinggi serta penetapan yuran pengajian. Universiti itu juga diberi kuasa mengambil ramai pensyarah dan pelajar asing bagi membolehkan ia melahirkan penyelidik terbilang sehingga bertaraf Nobel Laureate.

Walaupun tidak terdapat IPT yang tersenarai sebagai terbilang berdasarkan penilaian Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) baru-baru ini, tetapi UM adalah satu-satunya IPT yang diberi taraf 5 bintang sekali gus diiktiraf sebagai universiti cemerlang. Ia diikuti UPM dan UKM, yang memperolehi 4 bintang bertaraf sangat baik, manakala USM mendapat taraf baik dengan 3 bintang.

Kedudukan rating itu sudah pasti memberi sedikit kelebihan kepada uni-

versiti terbabit terutama UM dan masyarakat tentunya dapat membuat penilaian sendiri universiti yang layak. UM juga dilihat mempunyai kelebihan berdasarkan kepada kedudukannya sebagai universiti ulung dan tertua di negara ini dan mencapai banyak kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa, sama ada dalam akademik mahupun bukan akademik.

UM juga telah melahirkan ramai cerdik pandai, tokoh korporat serta pemimpin tersohor negara yang sekali gus memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara. Memperkuatkan lagi faktor itu, UM juga pernah tersenarai dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia pada tahun 2004 - pencapaian terbaik yang pernah dicapai oleh IPT tempatan setakat ini.

Bagaimanapun, faktor itu bukanlah penentu mutlak dan jaminan untuk menjadi Universiti Apex kerana jawatankuasa pemilihan tidak hanya melihat dalam aspek tertentu tetapi turut menilai dan mengambil kira potensi IPT itu untuk melonjakkan kecemerlangan pada masa depan.

Atas faktor itu, USM turut mempunyai peluang kerana menurut penarafan tahun lalu yang dilakukan Times Higher Education Supplement (THES), ia berada pada kedudukan lebih baik berbanding universiti lain. UKM dan UPM juga masing-masing mempunyai kekuatan yang seimbang.

Kita harap kewujudan Universiti Apex akan meningkatkan daya saing dalam kalangan IPT tanah air, termasuk IPTS agar mampu melonjakkan kualiti masing-masing bagi memastikan tidak wujud jurang perbezaan ketara dari segi kualiti graduan yang dilahirkan.

Langkah terbaru kerajaan itu turut membuka senario baru dalam pendidikan tinggi negara yang akan mencetuskan persaingan sihat. Mudah-mudahan satu hari nanti universiti kita mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan universiti terkemuka dunia. Kita juga mengharapkan akan ada universiti di Malaysia tergolong sekurang-kurangnya dalam kelompok 50 universiti terbaik dunia tidak lama lagi.

Pencapaian itu diakui bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi bukan pula mustahil untuk dicapai. Di samping sokongan serta bantuan kerajaan, faktor kepemimpinan, urus tadbir yang cekap, kurikulum berkualiti serta kerjasama di kalangan warga universiti adalah antara faktor terpenting menentukan kecemerlangan sesebuah universiti.

Setiap universiti, tidak kira sama ada yang berstatus Apex atau pun tidak, perlu terus mempertingkatkan kualiti dengan membangunkan kurikulum yang relevan, mempergiatkan aktiviti pendidikan dan menarik pelajar terbaik serta mendapat perkhidmatan daripada ahli akademik yang cemerlang.

Usaha lebih keras harus dilakukan terutama dalam kalangan IPTA yang baru dinaikkan status ke taraf universiti penuh. Anugerah 2 bintang (memuaskan) mengikut penilaian MQA harus dipertingkatkan agar kedudukan itu boleh diperbaiki. Jika dalam tempoh masa tertentu mereka mampu memenuhi kesemua kriteria kecemerlangan yang ditetapkan dan mendapat penarafan tinggi di peringkat antarabangsa, tidak mustahil mereka turut layak diiktiraf sebagai Universiti Apex.

Di pihak kerajaan pula, keghairahan menyalurkan bantuan serta sokongan untuk melonjakkan Universiti Apex agar setanding dengan universiti terkemuka dunia, jangan pula sampai meminggirkan universiti lain kerana tindakan itu pasti akan mencetuskan perasaan kurang senang dan iri hati di kalangan mereka.